

- 8 I Pak Razif *kebolehan* dalam menjinakkan ular.
 II *Kebolehan* pelajar itu dalam bidang sukan bola tampar tidak dapat disangkal lagi.
 III Kesungguhan Firdaus menyebabkan *kebolehannya* memimpin sesuatu organisasi.
 IV Yusri memiliki *kebolehan* dalam menyanyikan lagu Melayu asli.
 A I dan II sahaja
 B II dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 9 Mereka diarahkan untuk mencari lokasi bangunan itu berpandukan kepada pelan yang disediakan.
 A berpandukan pelan
 B pandukan pada pelan
 C berpandukan pada pelan
 D berpandukan kepada pelan
- 10 Setelah lima tahun menuntut di luar negara, Muhaimin akhirnya kembali ke pangkuan keluarganya.
 A pulang pada keluarganya
 B pulang kepada keluarganya
 C kembali pada pangkuan keluarganya
 D kembali ke pangkuan keluarganya

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 11 I Pihak kerajaan sentiasa menapis filem yang dibawa masuk dari Barat bagi menyekat pengaruh budaya kuning.
 II “Setiap pengajaran hendaklah dijadikan sebagai rukun hidup,” ujar datuk.

- III Hasrat murni Datuk Zainudin kerana membantunya untuk mendapatkan pekerjaan itu tidak akan dapat dilupakannya.
 IV Camelia disenangi oleh rakan-rakannya kerana dia seorang rakan yang baik hati.
 A I dan III sahaja
 B I dan IV sahaja
 C II dan IV sahaja
 D I, II dan III sahaja

- 12 I Teknologi maklumat dan komunikasi telah memberikan sumbangan besar dalam kehidupan manusia pada masa ini.
 II Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan sedang membuat pengajian tentang punca merebaknya demam denggi berdarah di negeri itu.
 III Pihak pemaju perumahan telah membaiki alatan permainan di taman rekreasi setelah menerima aduan daripada penduduk di situ.
 IV Kedua bas rombongan itu telah bersedia untuk membawa pelajar dalam lawatan ke negeri Kelantan Darul Naim.
 A I dan II sahaja
 B I dan III sahaja
 C II dan IV sahaja
 D I, III dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 13 Walaupun mengalami pelbagai kesulitan, Nazaratul Aswad tetap berazam untuk meneruskan usahanya itu hingga berjaya. Pernyataan di atas bertepatan dengan peribahasa
 A alang-alang berdakwat biar hitam.
 B sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit.
 C berat sama dipikul ringan sama dijinjing.
 D belakang parang kalau diasah lagikan tajam.

Soalan 14 – 17

Baca petikan cerpen "Oren" halaman 37, para 1 – 4 dalam Antologi Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1, dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sekarang, dia hanya menunggu kepulangan Oren. ... apabila melihatnya dan melihat tingkah laku Kelabu.

- 14 Apakah janji "dia" kepada Oren?
- A Menanti kepulangan Oren
 - B Membawa Oren ke rumahnya
 - C Memelihara Oren seperti anaknya
 - D Mencarikan kucing lain sebagai teman Oren

Dia memungut Kelabu ... teman Oren bermain.

- 15 Perwatakan "dia" yang paling sesuai berdasarkan pernyataan di atas ialah seorang yang
- A baik hati.
 - B pemurah.
 - C bijaksana.
 - D bertoleransi.

Dahulu, dia berjanji ... seperti anaknya sendiri.

- 16 Teknik penceritaan yang sesuai seperti yang digambarkan dalam ayat di atas ialah
- A saspens.
 - B imbas muka.
 - C imbas kembali.
 - D monolog dalaman.

- 17 Antara pernyataan yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan cerpen?

- A "Dia" terlanggar anak kucing
- B Oren bijak menarik perhatian "dia" dan ahli keluarganya
- C "Dia" lebih menyayangi Oren berbanding dengan Kelabu
- D "Dia" membawa Kelabu pulang untuk menjadi teman kepada Oren

Soalan 18 – 20

Baca petikan drama "Hadiah" halaman 71 dalam Antologi Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1, dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

HAYATI : Di sekolah pun Yati sudah memberitahu ... telah berjanji untuk menolong Yati.

- 18 Apakah janji guru besar kepada Hayati?

- A Menolong Hayati
- B Menemui datuk Hayati
- C Datang ke rumah Hayati
- D Membincangkan masalah Hayati

Beginilah hidup kita ... kuasa Tuhan.

- 19 Nilai yang paling sesuai berdasarkan pernyataan di atas ialah

- A kejujuran. C keikhlasan.
- B keinsafan. D keprihatinan.

- 20 Pernyataan yang berikut adalah benar tentang perwatakan Pak Mail, **kecuali**

- A bersangka baik.
- B berfikiran rasional.
- C bertanggungjawab.
- D suka menabur janji.